

Nama: Program Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2017 (24 jam) & Hackathon Data Terbuka 2017 (48 jam)

Tarikh: 11 hingga 13 September 2017

Tempat: Malaysia Global Innovation and Creativity Center (MaGIC), Cyberjaya

Anjuran: MAMPU

Ringkasan: Pada 11 hingga 13 September 2017, Jabatan ini telah menyertai Program Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2017 dan Hackathon Data Terbuka 2017 anjuran MAMPU yang telah berlangsung di Malaysia Global Innovation and Creativity Center (MaGIC), Cyberjaya. Program Hackathon 2017 merupakan suatu platform penciptaan atau pembangunan aplikasi atau produk data yang kreatif dan berinovatif dengan menggunakan data terbuka yang boleh diperolehi dari portal data.gov.my.

JLM diwakili oleh kumpulan 'Marine Hack' yang dianggotai oleh

(a) Puan Nasra Zainuddin (Ketua Kumpulan),

(b) Encik Azizul Halimi Husain,

(c) Puan Yusniza Zakaria dan;

(d) Encik Farid Musleh.

Pasukan 'Marine Hack' telah menyertai kedua-dua pertandingan:

a) Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2017

Program ini berlangsung selama 24 jam dan terbuka kepada penjawat awam sahaja. Pasukan 'Marine Hack' telah berjaya menduduki tangga sepuluh (10) teratas daripada tiga puluh (30) pasukan bertanding bagi kategori ini.

b) Hackathon Data Terbuka Kategori Sektor Awam 2017

Program ini berlangsung selama 48 jam dan pasukan 'Marine Hack' telah berjaya menduduki tangga lima (5) teratas daripada dua puluh dua (22) pasukan bertanding bagi kategori ini.

Keputusan keseluruhan pertandingan akan diumumkan pada Majlis Perasmian Public Chief Information Officer Convention & Exhibition (PUBLIC CIO CONVEX) yang akan berlangsung pada 5 Oktober 2017, di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya yang akan dirasmikan oleh YBhg Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan 'Marine Hack'!



